



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN UNTUK KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

Dikeluarkan Oleh:

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	2
2.	Punca Kuasa Kelulusan sebagai Penyelesai	2
3.	Perwakilan Kuasa oleh Menteri Kewangan	3
4.	Penetapan Badan Profesional yang Diiktiraf	4
5.	Permohonan untuk Diluluskan sebagai Penyelesai	5
6.	Pembaharuan Kelulusan sebagai Penyelesai	10
7.	Penggunaan BLESS bagi Permohonan Kelulusan	12
8.	Penggantungan atau Pembatalan Kelulusan Penyelesai	13
9.	Penamatan Praktis Secara Sukarela	13
10.	Hal-hal lain	13
11.	Tarikh Kuat Kuasa	14
12.	Pembatalan	14
13.	Lampiran I – Senarai Badan Profesional Diiktiraf	15

AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

GARIS PANDUAN UNTUK KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai kuasa Akauntan Negara Malaysia di bawah Seksyen 433 Akta Syarikat 2016, tatacara kelulusan sebagai penyelesaian syarikat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. PUNCA KUASA KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI

Kelulusan sebagai penyelesaian adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 433 Akta Syarikat 2016 iaitu seperti berikut:-

Subseksyen 433(3): "... mana-mana orang yang merupakan **anggota badan profesional diiktiraf** boleh memohon kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan untuk diluluskan sebagai seorang penyelesaian".

Subseksyen 433(4): "Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh meluluskan mana-mana orang sebagai penyelesaian jika Menteri berpuas hati dengan **pengalaman** dan **keupayaan** orang itu dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan oleh orang itu".

Subseksyen 433(4A): "Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (4) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa had atau syarat yang difikirkan patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri melalui penyampaian suatu notis pembatalan kepada orang yang diluluskan itu".

Subseksyen 433(4B): "Tiap-tiap kelulusan di bawah seksyen ini termasuk pembaharuan kelulusan penyelesaian hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh dua tahun selepas tarikh pengeluaran melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan".

Subseksyen 433(4C): "Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang atau kumpulan orang".

3. PERWAKILAN KUASA MENTERI KEWANGAN

3.1 Melalui peruntukan di bawah subseksyen 433(4C) Akta Syarikat 2016, Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia bagi urusan permohonan kelulusan baharu, pembaharuan kelulusan dan pembatalan kelulusan sebagai penyelesaian berkuatkuasa mulai 05 Disember 2019.

3.2 Tadbir urus berkaitan kelulusan penyelesaian oleh Akauntan Negara Malaysia dilaksanakan melalui dua (2) Jawatankuasa yang ditubuhkan secara pentadbiran iaitu seperti yang berikut:

- (i) Jawatankuasa Kelulusan Penyelesai Syarikat; dan
- (ii) Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat

3.3 JAWATANKUASA KELULUSAN PENYELESAI SYARIKAT

3.3.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kelulusan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:-

- (a) Akauntan Negara Malaysia atau wakil – **Pengerusi**;
- (b) Wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (c) Wakil Institut Akauntan Malaysia (MIA);
- (d) Wakil Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC); dan
- (e) Wakil Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).

3.3.2 Tugas Jawatankuasa Kelulusan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:-

- i) memastikan calon memenuhi **pengalaman (*experience*)** dan **keupayaan (*capacity*)** yang ditetapkan sebagai penyelesaian;
- ii) menilai dan membuat keputusan terhadap calon yang berkelayakan melalui sesi temu duga; dan
- iii) menimbangkan tempoh menunggu untuk temu duga semula bagi calon-calon yang gagal.

3.3.3 Urusetia Jawatankuasa ini adalah Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

3.4 JAWATANKUASA PENGAWAS JURUAUDIT DAN PENYELESAI SYARIKAT

3.4.1 Keanggotaan Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:-

- (a) Timbalan Akauntan Negara (Korporat) – **Pengerusi**;
- (b) Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- (c) Pegawai Undang-Undang, Perbendaharaan Malaysia;
- (d) Wakil Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi);
- (e) Timbalan Pendaftar / Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (f) Pendaftar / Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA);
- (g) Wakil Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC); dan
- (h) Wakil Bank Negara Malaysia (BNM).

3.4.2 Tugas Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:-

- i) mencadangkan dasar-dasar mengenai kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan Akauntan Negara Malaysia;
- ii) meneliti laporan aduan dan kes-kes yang dikemukakan terhadap juruaudit dan penyelesai syarikat dan mengesyorkan tindakan yang boleh diambil untuk pertimbangan dan kelulusan Akauntan Negara Malaysia; dan
- iii) mengesyorkan kepada Akauntan Negara Malaysia mengenai penggantungan atau pembatalan kelulusan seseorang sebagai juruaudit atau penyelesai syarikat.

3.4.3 Urusetia Jawatankuasa ini adalah Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. PENETAPAN BADAN PROFESIONAL YANG DIKTIRAF

4.1 Subseksyen 433(5) memperuntukkan "bagi maksud subseksyen 433(3), Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi syarikat boleh, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan, menetapkan suatu badan yang hendaklah diiktiraf sebagai badan profesional diiktiraf.

- 4.2 Senarai Badan Profesional yang telah diiktiraf di bawah subseksyen 433(5) Akta Syarikat 2016 adalah seperti di **Lampiran I**.
- 4.3 Ahli badan profesional yang telah diwartakan layak untuk memohon kelulusan sebagai penyelesaian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

5. PERMOHONAN UNTUK DILULUSKAN SEBAGAI PENYELESAI

5.1 SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN UNTUK DILULUSKAN SEBAGAI PENYELESAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 433(4) AKTA 777

Syarat-syarat permohonan untuk diluluskan sebagai penyelesaian adalah seperti berikut:

- (a) Pemohon hendaklah merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia;
- (b) Pemohon merupakan ahli badan profesional yang ditetapkan di bawah subseksyen 433(5) Akta Syarikat 2016 serta mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah;
- (c) Pemohon bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (d) Pemohon hendaklah dalam tempoh lima (5) tahun sebelum permohonan dibuat tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran yang jika disabitkan, boleh dihukum dengan hukuman penjara selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (e) Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan berkaitan dengan penganjuran, pembentukan atau pengurusan sesuatu perbadanan;
- (f) Pemohon hendaklah memenuhi keperluan pengalaman kerja tertakluk kepada syarat seperti berikut:
 - (i) sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa dalam amalan insolvensi atau penstrukturan semula syarikat. Pengalaman yang diperolehi sebelum keahlian dalam badan profesional yang diiktiraf boleh diambil kira;
 - (ii) Pemohon yang mempunyai pengalaman yang relevan tetapi tidak lagi menjalankan praktis dalam insolvensi

atau penstrukturan semula syarikat boleh memohon sekiranya beliau:

- a. tidak meninggalkan praktis dalam bidang insolvensi atau penstrukturan semula syarikat dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan; atau
 - b. bagi pemohon yang telah meninggalkan bidang insolvensi atau penstrukturan semula syarikat melebihi tiga (3) tahun, pemohon perlu kembali menjalankan praktis di Malaysia secara sepenuh masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum mengemukakan permohonan.
- (iii) Pemohon yang merupakan ahli badan profesional diiktiraf dan mempunyai pengalaman praktikal dalam insolvensi atau penstrukturan semula syarikat di luar Malaysia juga boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat beliau mempunyai pengalaman praktikal insolvensi atau penstrukturan semula syarikat di Malaysia secara sepenuh masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum mengemukakan permohonan.
- (g) Pemohon hendaklah mengemukakan surat penganjur (*sponsor letter*) daripada penyelesaian yang diluluskan yang bertanggungjawab menyelia kerja-kerja pemohon. Penganjur hendaklah bukan merupakan pelanggan (*client*) pemohon atau ahli keluarga. Surat penganjur hendaklah memberi keterangan berkaitan pengalaman pemohon, keupayaan pemohon menjalankan kerja-kerja insolvensi atau penstrukturan semula syarikat dan peranan beliau dalam kerja-kerja insolvensi yang dinyatakan;
- (h) Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan (kapasiti) dalam menjalankan tugas sebagai pelikuidasi / penyelesaian syarikat; dan
- (i) Pemohon hendaklah tidak mempunyai sebarang tindakan penguatkuasaan atau undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 ("Akta SSM 2001") atau mana-mana peruntukan Akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta SSM 2001.

(nota: Syarat-syarat bagi perenggan (a),(b),(c) dan (d) hendaklah dinyatakan dalam Borang Aduan Berkanun yang ditetapkan).

5.2 TEMU DUGA

- a) Calon yang layak ditemu duga dinilai kompetensinya oleh Jawatankuasa Kelulusan Penyelesai Syarikat terhadap aspek berikut:-

Bil.	Panel Agensi	Modul / Aspek Penilaian
1.	MIA	Kompetensi dalam aspek perakaunan bagi syarikat / entiti dan peraturan yang berkaitan.
2.	SSM	Akta Syarikat 2016 dan bidang kuasa sebagai penyelesaian.
3.	SC	Kompetensi berkaitan keperluan undang-undang atau peraturan bagi Entiti Berkepentingan Awam.
4.	Mdl	Kompetensi berkaitan praktis insolvensi meliputi aspek teknikal dalam penggulangan syarikat, penstrukturan semula syarikat dan mekanisme penyelamat korporat.

- b) Calon hendaklah memperolehi markah sekurang-kurangnya 60% (minimum) bagi semua panel / modul penilaian untuk lulus temu duga;
- c) Bagi calon yang hanya gagal satu modul, calon berkenaan perlu mengulangi temu duga modul yang gagal sahaja dengan syarat markah yang diperolehi **tidak kurang daripada 50%** dan tempoh menunggu untuk temu duga berikutnya adalah selama **tiga (3) bulan**;
- d) Bagi calon yang hanya gagal satu modul tetapi markah yang diperolehi **kurang daripada 50%**, calon berkenaan perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**;
- e) Calon yang gagal **dua (2) modul dan ke atas** perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**; dan
- f) Bagi calon yang **gagal kali** kedua seperti di perenggan **5.2(c)**, calon berkenaan perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**.

- g) Keputusan temu duga bagi kelulusan penyelesaian syarikat dinyatakan seperti yang berikut:

Bil	Skor Penilaian	Keputusan	Tempoh Tangguh	Catatan
1.	Lulus (Markah $\geq 60\%$ bagi setiap modul)	Lulus	Tidak berkaitan	Calon lulus temu duga
2.	Gagal 1 modul - Markah marginal (50% - 59%)	Gagal	3 bulan	Hendaklah ditemu duga semula modul yang gagal. Jika gagal temu duga ulangan, hendaklah ditemu duga semula semua modul jika membuat permohonan semula.
3.	Gagal 1 modul - Markah < 50%	Gagal	6 bulan	Hendaklah mengulangi semua modul temu duga jika membuat permohonan baharu.
4.	Gagal 2 modul dan ke atas (Markah < 60% bagi setiap modul)	Gagal	6 bulan	Hendaklah mengulangi semua modul temu duga jika membuat permohonan baharu.

5.3 BAYARAN FI DAN TEMPOH KELULUSAN

- a) Kadar fi kelulusan Penyelesai ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat (Fi Juruaudit Syarikat dan Penyelesai) 2020;
- b) Bayaran fi kelulusan Penyelesai Syarikat adalah sebanyak **RM500.00 bagi tempoh sah selama dua (2) tahun**;
- c) Kelulusan Penyelesai adalah untuk tempoh **dua (2) tahun** sahaja melainkan jika dibatalkan lebih awal; dan
- d) Kelulusan Penyelesai boleh **diperbaharui** untuk tempoh **dua (2) tahun** berikutnya dengan bayaran pembaharuan kelulusan yang ditetapkan iaitu **RM500.00** sahaja.

5.4 KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI SYARIKAT

- a) Setiap calon yang lulus dalam temu duga akan diberikan surat kelulusan secara prinsip yang menjelaskan syarat pemohon hendaklah menjalankan praktis secara sepenuh masa sebagai penyelesaian sama ada sebagai pemilik tunggal atau sebagai rakan kongsi.
- b) Bagi pemohon yang ingin membuka firma penyelesaian persendirian atau perkongsian, pemohon dikehendaki untuk memulakan praktis dalam tempoh (6) bulan dari tarikh surat kelulusan secara prinsip dikeluarkan.
- c) Bagi pemohon yang ingin menjadi rakan kongsi firma penyelesaian lain, pemohon hendaklah memulakan praktis dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat kelulusan secara prinsip dikeluarkan.
- d) Bagi pendaftaran firma perkongsian penyelesaian yang baharu atau menjadi rakan kongsi kepada firma penyelesaian, semua rakan kongsi hendaklah:
 - i) merupakan penyelesaian yang diluluskan di bawah subseksyen 433(4) Akta Syarikat 2016; dan
 - ii) memenuhi kelayakan untuk bertindak sebagai penyelesaian sepertimana peruntukan di bawah subseksyen 433(1) Akta Syarikat 2016.
- e) Jenis firma penyelesaian yang dibenarkan bagi tujuan menjalankan praktis ialah :
 - i) Firma Bukan Audit (*Non-Audit Firm*) berdaftar dengan MIA; (*pendaftaran bagi penyelesaian yang merupakan ahli MIA / MICPA adalah tertakluk kepada Akta Akauntan 1967 dan MIA-By Laws*); atau
 - ii) Perkongsian Liabiliti Terhad (didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012); atau
 - iii) Milikan Tunggal atau Perkongsian (didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956).
- f) Bagi tujuan perenggan e) (ii) dan (iii), pemohon dikehendaki mematuhi Pekeliling 1/2020: Nota Panduan Pendaftaran Firma Penyelesai Dan Makluman Kelulusan Sebagai Penyelesai Yang Diluluskan yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5.5 SIJIL KELULUSAN PENYELESAI SYARIKAT

- a) Tertakluk kepada perenggan 5.4, Sijil Kelulusan akan dikeluarkan setelah maklumat-maklumat berikut dikemukakan oleh pemohon:
 - i) Salinan Sijil Pendaftaran Firma Bukan Audit yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia; atau
 - ii) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Sijil Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
 - iii) Cetakan Profil Pemiagaan / Perkongsian Liabiliti Terhad yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5.6 NOTIFIKASI PENDAFTARAN SEBAGAI PENYELESAI YANG DILULUSKAN DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

- a) Pemohon yang telah menerima Sijil Kelulusan Penyelesai Syarikat dikehendaki:
 - i) mengemukakan satu notis kepada Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memaklumkan berhubung kelulusan tersebut dalam tempoh 30 hari dari tarikh Sijil Kelulusan dikeluarkan; dan
 - ii) mengemaskini mana-mana maklumat yang perlu dikemukakan melalui notis tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh perubahan maklumat.

6. PEMBAHARUAN KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI SYARIKAT

6.1 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI SYARIKAT

- a) Pemohon hendaklah merupakan penyelesaian yang diluluskan di bawah subseksyen 433(4) Akta Syarikat 2016 dan tidak hilang kelayakan sebagai penyelesaian syarikat.
- b) Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat asal dan lain-lain syarat seperti berikut:
 - i. Pemohon merupakan ahli badan profesional yang ditetapkan di bawah subseksyen 433(5) Akta Syarikat 2016 serta mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah;

- ii. Pemohon bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- iii. Pemohon tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran yang jika disabitkan, boleh dihukum dengan hukuman penjara selama tiga (3) bulan atau lebih;
- iv. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan berkaitan dengan penganjuran, pembentukan atau pengurusan sesuatu perbadanan;
- v. Pemohon dikehendaki mematuhi syarat khusus yang ditetapkan oleh SSM, SC, MIA dan Mdl yang merupakan agensi kawal selia dan permohonan pembaharuan kelulusan penyelesaian syarikat hendaklah mendapat sokongan agensi kawal selia tersebut;
- vi. Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan (kapasiti) dalam menjalankan tugas sebagai pelikuidasi / penyelesaian syarikat;
- vii. Pemohon hendaklah tidak mempunyai sebarang tindakan penguatkuasaan atau undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 ("Akta SSM 2001") atau mana-mana peruntukan akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta SSM 2001; dan
- viii. Pemohon hendaklah menjalankan praktis secara sepenuh masa sebagai penyelesaian syarikat melalui firma penyelesaian yang telah didaftarkan.

(nota: Syarat-syarat pembaharuan bagi perenggan (ii) dan (iii) hendaklah dinyatakan dalam Borang Akuan Berkanun yang ditetapkan).

- c) Permohonan pembaharuan kelulusan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu dan disertakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:
 - i. Akuan Bersumpah yang ditandatangani oleh Pesuruhanjaya Sumpah;
 - ii. Salinan resit yuran tahunan keahlian badan profesional diiktiraf;
 - iii. Salinan resit pembaharuan Sijil Amalan (*Practising Certificate*) badan profesional diiktiraf yang terkini; dan
 - iv. Salinan pendaftaran firma bagi penyelesaian.

- d) Sekiranya salah satu agensi kawal selia tidak menyokong permohonan pembaharuan kelulusan penyelesaian syarikat, permohonan dianggap tidak memenuhi syarat pembaharuan dan permohonan pembaharuan kelulusan boleh ditolak serta digugurkan.
- e) Sekiranya permohonan dikemukakan lewat dari tarikh tamat tempoh kelulusan terdahulu, tempoh kelulusan baharu tidak akan bersambung dan tarikh kelulusan baharu adalah berdasarkan tarikh pembaharuan kelulusan diberikan.
- f) Sekiranya permohonan pembaharuan gagal dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun selepas tamat tempoh kelulusan terdahulu, pemohon dikehendaki untuk mengemukakan permohonan kelulusan baharu sebagai penyelesaian dan perlu menjalani semula sesi temu duga.

7. PENGGUNAAN BLESS BAGI PERMOHONAN KELULUSAN

- 7.1 Pemohon hendaklah mendaftar sebagai pengguna BLESS (*Business Licensing Electronic Support System*) melalui Bahagian BLESS, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan mengemukakan permohonan kelulusan baharu atau pembaharuan kelulusan melalui BLESS sepenuhnya.
- 7.2 Dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan permohonan baharu atau pembaharuan kelulusan hendaklah dimuat naik sepenuhnya melalui sistem BLESS.
- 7.3 Borang Akuan Berkanun hendaklah menggunakan format yang dijana melalui sistem BLESS.
- 7.4 Notifikasi fi kelulusan baharu hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah lulus temu duga.
- 7.5 Notifikasi fi pembaharuan kelulusan hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mendapat sokongan agensi kawal selia yang berkaitan.

8. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN SEBAGAI PENYELESAI

Akauntan Negara Malaysia melalui kuasa yang diwakilkan oleh Menteri Kewangan berhak untuk mempertimbangkan penggantungan atau pembatalan kelulusan penyelesaian melalui penyampaian suatu notis di bawah subseksyen 433(4A), Akta Syarikat 2016.

9. PENAMATAN PRAKTIS SECARA SUKARELA

9.1 Penyelesai syarikat yang telah bersara secara sukarela atau tidak memperbaharui Sijil Amalan (*Practising Certificate*) bagi menjalankan praktis hendaklah memaklumkan statusnya kepada JANM serta mengembalikan Sijil Kelulusan Penyelesai Syarikat yang masih berkuat kuasa.

9.2 Penyelesai hendaklah memaklumkan penamatan operasi firma penyelesaian atau memaklumkan persaraan sebagai rakan kongsi dalam firma penyelesaian yang berdaftar kepada SSM.

10. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Garis Panduan untuk Kelulusan Sebagai Penyelesai di bawah Akta Syarikat 2016 bolehlah dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2,
Putrajaya

Untuk perhatian : Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat
Emel : ukp@anm.gov.my
No.tel : 03-8882 1118/1172/1194

11. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya diperakui.

12. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, garis panduan yang dikeluarkan sebelumnya bertarikh 21 Januari 2020 adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR YATI BINTI AHMAD C.A(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

26 Januari 2024

AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

SENARAI BADAN PROFESIONAL DIKTIRAF DI BAWAH SUBSEKSYEN 433(5)

Bil.	Nama Badan	Rujukan Pewartaan
1.	Institut Akauntan Malaysia (MIA)	P.U.(B) 123 [KPDNKK 600-1/2/4;PN(PU2)740/II], bertarikh 13 Mac 2018
2.	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)	P.U.(B) 123 [KPDNKK 600-1/2/4;PN(PU2)740/II], bertarikh 13 Mac 2018